

27/06/2003

Syarikat bekal komputer tidak babit anak PM

TIADA seorang pun anak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai kepentingan dalam 10 syarikat yang membekalkan komputer bimbit kepada sekolah, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir.

Syarikat berkenaan membekalkan 48,639 unit komputer bimbit kepada sekolah menengah dan rendah dengan kadar harga seunit antara RM5,500 hingga RM5,800.

Syarikat berkenaan ialah APEC Communications Sdn Bhd, IGIV Technology Sdn Bhd, Metronics Engineering Sdn Bhd, MHS Resources Sdn Bhd, Mimos Smart Computing Sdn Bhd dan Nuinfra Consolidated Sdn Bhd.

Syarikat lain ialah Primabumi Sdn Bhd, Saluran Fajar Sdn Bhd, SJA Trade & Services Sdn Bhd dan Stack Integrator Sdn Bhd.

"Berdasarkan profil yang dikemukakan setiap syarikat, tiada nama anak Perdana Menteri yang tersenarai sebagai pemilik atau ahli lembaga pengarah semua syarikat itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Hassan Mohamed (Pas-Besut).

Menjawab soalan tambahan Hassan, beliau berkata, bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan komputer bimbit itu, kementerian memperuntukkan RM10,000 bagi sekolah menengah dan RM5,000 bagi sekolah rendah.

Menjawab soalan Wan Nik Wan Nik Yusoff (Pas-Bachok), Mahadzir berkata, enam syarikat dilantik secara runding terus oleh kementerian itu untuk membangunkan perisian kursus lengkap bagi mata pelajaran Matematik, Sains dan bahasa Inggeris untuk digunakan di sekolah.

Syarikat itu dipilih berdasarkan pengalaman mereka yang luas dan memiliki teknologi yang canggih, katanya.

"Kementerian tidak pernah ambil pihak syarikat menghasilkan perisian kursus secara "seborono", " katanya.